

## SUKAN

SELASA, 19 JANUARI 2016 @ 8:15 PM

## 6,000 dijangka sertai Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan

[Tweet](#)[G+1](#)

0



PENGARAH Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Mohd Razlan Muhammad Rafii menunjukkan Poster Program Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan sempena Hari Wilayah Persekutuan 2016 semasa majlis sidang media di Taman Botani Putrajaya. -Foto Ahmad Iham Mohd Noor

PUTRAJAYA: Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mensasarkan 6,000 peserta menyertai Program Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan pada 28 Februari ini bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.

Pengarah MSWP, Mohd Razlan Muhammad Rafii, berkata program kali kelima itu akan bermula jam 8 pagi, dengan membabitkan jarak sejauh 40 kilometer, bermula dari Dataran Putrajaya Presint 3 dan melalui kawasan perumahan sekitar Putrajaya.

Katanya, program itu bertujuan menggalakkan warga kota mengamalkan gaya hidup sihat.

"Kami juga menyediakan pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan tiga kaum di negara kita iaitu Melayu, Cina dan India.

"Antaranya, kabbadi, bola keranjang, bola sepak jalanan dan bola jaring. Program dijangka tamat pada 4 petang," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Program itu dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Persatuan Berbasikal Putrajaya serta agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Mohd Razlan berkata, secara keseluruhan, dijangkakan seramai 10,000 peserta akan mengambil bahagian dalam semua program yang dianjurkan.

Mereka yang berminat boleh melayari laman web rasmi MSWP iaitu [www.wipers.gov.my](http://www.wipers.gov.my) dan penyertaan adalah percuma. - BERNAMA